

IEM tawar kepakaran bantu siasatan perancah runtuh

Oleh [Latifah Arifin](#) - Jun 21, 2021 @ 7:09pm

latifah@bh.com.my



Siasatan giat dilakukan bagi mengenal pasti punca perancah besi lebuhraya runtuh di Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH). - NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI.

KUALA LUMPUR: Institut Jurutera Malaysia (IEM) menawarkan bantuan teknikal dan pandangan susulan siasatan kejadian perancah besi digunakan dalam pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) yang runtuh, kelmarin.

Presiden IEM, Ong Ching Loon, berkata institusi itu mempunyai keupayaan dengan kebanyakan ahli adalah penggerak industri dengan kepelbagaian kepakaran. "IEM diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai badan profesional mewakili pelbagai amalan kejuruteraan.

"Ahli kami berpengalaman luas dalam bidang ini dan sedia menawarkan pandangan berasaskan kepakaran masing-masing," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) memaklumkan sudah memulakan siasatan berhubung kejadian berkenaan.

Dalam kejadian itu, seorang daripada dua pekerja Bangladesh yang tercedera disahkan meninggal dunia di Wad Kecemasan Hospital Sungai Buloh (HSB).

Ching Loon berkata, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) menetapkan majikan bertanggungjawab memastikan perancah besi dan pemasangan struktur selamat bagi pekerja.

"Majikan mesti menyediakan sistem yang selamat di tempat kerja berdasarkan penilaian risiko ketika perancangan kerja pembinaan dan dalam fasa reka bentuk.

"Sistem keselamatan di tempat kerja ini mestilah dijamin melindungi pekerja daripada sebarang risiko kecederaan," katanya.

Beliau berkata, majikan perlu melantik jurutera berkelayakan untuk merancang, mengurus, memantau dan mengawasi aktiviti kerja pembinaan.

"Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (BOWEC) mengkehendaki reka bentuk perancah besi dan struktur berketinggian lebih sembilan meter.

"Ia mesti dilaksanakan oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC).

"Peraturan sama turut menetapkan PEPC yang dilantik bertanggungjawab terhadap aktiviti pengawasan pembinaan dan kestabilan reka bentuk perancah dan struktur rekaannya," katanya.

Ching Loon berkata, OSHA dan BOWECS dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Katanya, agensi kerajaan lain termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) turut mengeluarkan piawaian industri dan garis panduan disyorkan sebagai amalan baik.

Ia bagi memastikan keselamatan dan kesihatan bukan sahaja kepada pekerja di tempat kerja tetapi menyeluruh untuk orang awam.

"Peraturan, garis panduan dan standard industri pembinaan ini dikeluarkan bagi membolehkan pemegang taruh bagi mengadaptasi dan melaksanakan pengurusan risiko serta pengurusan keselamatan yang baik ketika proses pembinaan.

"Ia adalah tanggungjawab bersama semua pemegang taruh dalam sektor pembinaan ini, termasuk pemilik projek, kontraktor dan perunding," katanya.